

ISLAM DAN MEDIA DI MALAYSIA: PEMAPARAN ISU HUDUD DI PORTAL ONLINE DI MALAYSIA

Muhammad Raqib Mohd Sofianⁱ, Muhamad Zaki Mustafaⁱⁱ & Safiyyah Ahmad Sabriⁱⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. m.raqib@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. zaki@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. safiyyah@usim.edu.my

Abstrak: "Hudud" adalah istilah yang merujuk kepada hukum Islam yang meliputi pelbagai kejahatan dan hukuman yang dinyatakan dalam Quran dan Sunnah. Hukum hudud ini termasuk hukuman-hukuman seperti potong tangan bagi pencuri, rajam bagi orang yang berzina, dan lain-lain. Dalam konteks di Malaysia, isu hudud sering kali menjadi topik perdebatan yang hangat. Pada umumnya, media di Malaysia memberikan liputan yang luas terhadap isu-isu hudud. Media massa tempatan, termasuk akhbar, stesen televisyen, dan laman web berita, sering kali melaporkan perkembangan dan perbincangan mengenai usaha-usaha untuk memperkenalkan undang-undang hudud di negara ini. Media di Malaysia berperanan penting dalam membentuk pendapat awam mengenai isu-isu seperti hudud. Liputan yang telus dan seimbang mengenai hukum hudud dapat membantu masyarakat memahami implikasi serta hujah-hujah yang berkaitan dengan isu tersebut. Selain itu, media juga menjadi platform untuk perbincangan dan perdebatan terbuka mengenai hal ini, yang penting bagi proses demokrasi dan pembangunan sosial di Malaysia. Oleh itu, kajian ini akan meneliti pelaporan portal berita online Malaysiakini terhadap isu hudud yang ingin dilaksanakan di negeri Kelantan pada 2015. Malaysiakini yang dikenali sebagai portal berita yang berani dan terbuka dalam membincangkan isu-isu yang sensitif, sangat menarik untuk dikaji pelaporannya.

Keywords: analisis wacana kritis, media dan Islam, portal berita, Malaysiakini, hudud

PENGENALAN

Polemik mengenai pelaksanaan undang-undang Islam (hudud) di Malaysia sering kali diperdebatkan di media di Malaysia. Malah isu hudud sering dijadikan "gula-gula" oleh parti-parti politik untuk meraih undi rakyat ketika pilihan raya menjelang. Pada alaf baru ini, media internet menjadi semakin berpengaruh apabila wacana mengenai hudud bukan sahaja diperdebatkan di media tradisional malah diperdebatkan juga di media baru dengan adanya portal-portal berita yang pelbagai.

Media memainkan peranan yang cukup signifikan kepada khalayak dalam menyampaikan maklumat dan mbingkai sesebuah berita itu kepada khalayak. Menurut Schramm (1964), media massa memainkan beberapa peranan kepada masyarakat seperti:

- a. sebagai pemberi maklumat yang cepat dan tepat pada waktu seperti yang diharapkan oleh masyarakat.
- b. sebagai pembuat keputusan melalui perbincangan dengan kelompok yang memperjelaskan masalah yang sedang dibincangkan.
- c. sebagai pendidik yang dapat memberikan panduan agar masyarakat dapat berfikir dan membantu dalam perkembangan dan kemajuan.

Sarah Kaur Grill, Yuen Chee Keong, Stef Bolte dan Saravanan Ramiah (2012) menyatakan khalayak hanya menerima apa yang dipersembahkan oleh media setelah melalui proses penapisan termasuklah pemilihan fakta-fakta, fakta-fakta yang diketepikan, fakta-fakta yang diberi penekanan dan sebagainya.

Perkara ini sekaligus menyebabkan khalayak tidak mendapat pelaporan yang seimbang dan perkara ini juga berlaku kerana adanya pelarasan dari segi editorial dan agensi-agensi berita dalam beberapa konteks mempunyai kekangan dalam menerbitkan sesuatu pelaporan.

Kesannya, pihak media membentuk pendapat khalayak melalui realiti yang dibina dan diterbitkan oleh mereka. Melalui proses pbingkaian juga, wartawan akan menentukan konteks dengan memilih subjek tertentu dan mempersembahkan gaya tertentu mengenai sesuatu isu melalui pelaporan mereka yang membolehkan kita mengetahui pendirian sesuatu media itu terhadap sesuatu isu yang berlaku.

Dalam hal ini, media arus perdana yang dimiliki kebanyakannya daripada parti pemerintah mempunyai peranan yang penting dalam mempersembahkan dan mengukuhkan ideologi pemerintah untuk memujuk masyarakat dalam mempercayai dan memahami sesuatu isu itu sebagai sesuatu yang bersifat positif atau negatif (Sofian, 2021). Representasi media turut menjadi lebih beragam apabila berlakunya hegemoni kontra (*counter hegemony*). Tindakan hegemoni kontra ini diperlihatkan menerusi tindakan masyarakat yang semakin berani menyuarakan pendapat dengan lebih terbuka terutamanya terhadap pihak pemerintah dan ingin melakukan perubahan menerusi penulisan-penulisan yang dihasilkan terutamanya di portal berita online (Muhammad Raqib & Amer, 2020).

Dalam konteks di Malaysia yang mana Islam adalah agama rasmi, topik-topik melibatkan

agama Islam sering kali dijadikan sebagai alat untuk mengukuhkan penguasaan parti pemerintah dan turut dijadikan sebagai topik untuk meraih undi masyarakat (Sofian, 2021).

Oleh itu, adalah penting untuk dilakukan kajian wacana mengenai isu konflik yang melibatkan agama Islam di Malaysia memandangkan media mencerminkan realiti yang dibina. Namun, dalam keadaan tertentu media sebenarnya tidak mencerminkan realiti dalam cara yang adil dan objektif. Selain itu, kajian ini penting untuk dilakukan kerana pelaporan yang salah melibatkan agama boleh memberikan implikasi seperti persepsi yang buruk oleh masyarakat kepada Islam khususnya dalam konteks di Malaysia.

Maka, artikel ini bertujuan untuk mengkaji wacana portal berita Malaysiakini mengenai hudud yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan pada 2015.

Pada 19 Mac, 2015, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan seramai 44 anggota dewan telah sebulat suara meluluskan rang undang-undang Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) yang hanya terpakai kepada orang Islam mukallaf iaitu seseorang yang sudah mencapai umur 18 tahun dan sempurna akalnya sahaja yang turut disokong oleh ahli dari parti PAS, UMNO dan Keadilan (DUN Kelantan lulus RUU Kanun Jenayah Syariah II 1993, 2015).

Jenis-jenis kesalahan hudud yang termaktub dalam pindaan itu adalah sariqah (mencuri), hirabah (orang yang merampas harta orang lain dengan kekerasan), zina termasuk liwat, qazaf (membuat tuduhan zina atau liwat), syurb (minum arak atau memabukkan) dan irrtidad (murtad) (Irwan, 2015). Selepas rang undang-undang ini diluluskan dalam Sidang DUN Kelantan, perkara seterusnya adalah ia perlu dibawa ke Parlimen dan ia masih terikat dengan pelaksanaan dan kelulusan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) (Mohd Izani, 2015). Pindaan

Akta 355 perlu diluluskan oleh Parlimen untuk meningkatkan bidangkuasa penghukuman Mahkamah Syariah bagi kesalahan jenayah Syariah daripada (Ahmad Mustaqim, 2017):

- i. Penjara tidak melebihi 3 tahun kepada penjara tidak melebihi 30 tahun.
- ii. Denda tidak melebihi RM5,000 kepada denda tidak melebihi RM100,000.00.
- iii. Sebatan tidak melebihi 6 kali kepada debatan tidak melebihi 100 kali.

Namun begitu, perkara ini telah menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat bukan Islam malah dalam kalangan segelintir masyarakat Islam juga yang tidak berpuas hati dengan pindaan tersebut kerana dikatakan tidak mengikut Perlembagaan yang sedia ada serta boleh mempengaruhi masa hadapan masyarakat bukan Islam di Malaysia.

Pelbagai kenyataan telah dikeluarkan oleh pelbagai pihak termasuk dari parti kerajaan terdahulu dan parti pembangkang mengenai isu tersebut. Malah parti Gerakan telah menfaikan saman pemula di Mahkamah Tinggi bagi memohon pembatalan terhadap pindaan yang telah dilakukan terhadap enakmen tersebut (DUN Kelantan lulus RUU Kanun Jenayah Syariah II 1993, 2015).

Oleh itu, tempoh kajian untuk kes kajian ini adalah dari 1 Mac, 2015 sehingga 1 Mei, 2015. Memandangkan terdapat juga pilihan raya kecil yang bakal berlangsung pada 5 Mei, 2015, maka pengumpulan data hanya dilakukan sehingga 1 Mei, 2015 kerana liputan akhbar telah berubah fokus kepada isu-isu melibatkan pilihan raya kecil yang bakal berlangsung pada waktu itu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan panduan dari kajian-kajian sebelum ini yang telah menggunakan analisis wacana kritis dalam kajian mereka dalam mengkaji pelaporan berita mengenai sesuatu isu dan fenomena (Akbarzadeh & Smith, 2005; van Dijk, 2006). Namun begitu, secara

khususnya kajian oleh van Dijk (2006) yang menggunakan konsep *ideological square* akan dijadikan sebagai panduan utama dalam kajian ini.

Ideological square ini menggunakan skema binari yang mengaitkan di antara dua pelaku iaitu "kami" (*us*) dan "mereka" (*them*). Nilai-nilai yang baik selalunya dikaitkan dengan kumpulan "kami" manakala nilai-nilai yang buruk selalunya dikaitkan dengan kumpulan "mereka".

Kajian ini hanya mengkaji artikel-artikel berita yang berbentuk rencana pendapat seperti editorial, kolum dan surat pembaca dengan menggunakan sampel bertujuan. Jenis artikel berita seperti editorial, kolum, rencana dan surat pembaca dipilih untuk dikaji kerana artikel-artikel ini lebih berbentuk perbincangan yang kritis berbanding berita langsung (Akbarzadeh & Smith, 2005; Sofian, 2021).

Sampel data untuk kajian ini adalah portal berita Malaysiakini yang memang dikenali sebagai sebuah portal berita yang berani membicarakan dan membincangkan mengenai isu-isu yang sensitif dan *taboo* dalam kalangan umat Islam (Sofian, 2021). Oleh itu adalah menarik untuk dilihat bagaimana Malaysiakini melaporkan mengenai isu ini

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara amnya, terdapat tiga tema utama yang diwacanakan oleh penulis-penulis di Malaysiakini. Tiga tema tersebut adalah:

- a. Mengkritik tindakan parti PAS untuk melaksanakan hudud

Antara perkataan yang digunakan oleh penulis-penulis untuk menggambarkan kritikan kepada parti PAS adalah "parti yang hilang moral", "tamak", "oportunis", "cauvinis", "rasis", "parti yang khianat", "tak boleh dipercayai", "parti yang kabur", "kuno", "sudah hilang fokus", "tidak menepati janji", "memberi imej ekstrimis

Islam”, “parti hipokrit” dan “menjuarai fundamentalis Islam” .

b. Menentang pelaksanaan hukuman hudud atas pelbagai sebab

Antara perkataan yang digunakan oleh penulis-penulis untuk menggambarkan penentangan mereka adalah undang-undang hudud adalah “tidak berperlembagaan”, “akan menyebabkan ketidakadilan kepada orang Islam yang tidak berkuasa”, “tidak praktikal”, “undang-undang buatan manusia”, “dicipta untuk memecah belahkan Pakatan Rakyat”, “alat politik”, “tidak sesuai di Malaysia”, “undang-undang yang kabur”, “kuno”, “senjata untuk memecah belahkan”, “undang-undang ke belakang”, “muslihat politik”, “undang-undang yang kejam”, “tidak berperikemanusiaan”, “menindas”, “undang-undang yang menghukum”, “undang-undang yang primitif”, “menggalkan ekstrimisme”, “menyebabkan ketidakadilan”, “lapuk”, “tidak memberikan perlindungan yang secukupnya kepada wanita dan kanak-kanak”, “hukuman yang berat” dan “hukuman yang dicipta oleh manusia” .

c. Mengkritik kerjasama parti UMNO dan PAS untuk melaksanakan hukuman hudud.

Selain itu juga, pada ketika isu ini hangat dibincangkan, terdapat ura-ura dan gerakan yang menyatakan bahawa parti PAS dan UMNO, dua parti paling terbesar yang mewakili Melayu Islam akan bergabung dan bersatu. Antara ungkapan yang digunakan untuk menggambarkan kerjasama itu adalah “parti PAS telah tidur dengan syaitan” dan “kerjasama maut”.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, Malaysiakini membentangkan gaya pelaporan yang berani dalam mengrepresentasikan mengenai isu hudud ini. Beberapa perkataan yang digunakan dalam penerbitan mereka boleh dikatakan berbentuk negatif dalam membicarakan mengenai isu hudud. Malaysiakini boleh

dianggap sebagai menyediakan platform untuk menerbitkan artikel-artikel "kontroversial" yang mempersoalkan mengenai undang-undang Islam tersebut dan sekaligus turut mempersoalkan mengenai amalan Islam yang diamalkan di Malaysia. Dalam kajian kes ini, pihak pemerintah turut dikritik bersama parti PAS. Akibatnya, penulis-penulis di Malaysiakini kerap menggunakan tema "kita vs mereka." Hal ini telah menyebabkan Malaysiakini sering dianggap bersifat an-Islam dan sentiasa bersifat negatif dalam membincangkan mengenai Islam (Muhammad Raqib & Qasem, 2020).

Namun begitu, dalam membincangkan hal-hal ini mengenai Islam yang bersifat konflik, media sepatutnya memainkan perannya yang harmoni dan bukan pencetus kepada konflik yang berlaku. Pelaporan yang terlalu keras boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada keharmonian antara kaum dan agama dan mendatangkan persepsi yang buruk kepada sesuatu kaum dan agama.

RUJUKAN

- Ahmad Mustaqim, Z. (2017, 7 Febuari). RUU 355: 10 persoalan mudah yang perlu diketahui. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com>
- Akbarzadeh, S. & Smith, B. (2005). *The Representation of Islam and Muslims in the Media: The Age and Herald Sun Newspaper*. Victoria: Monash University.
- DUN Kelantan lulus RUU Kanun Jenayah Syariah II 1993 (2015, 19 Mac). *The Malaysian Times*. <http://www.themalaysiantimes.com.my/>
- Irwan, M., Z. (2015, 18 Mac). MB Kelantan selesai bentang pindaan enakmen hudud, ADUN UMNO sokong. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com>
- Mohd Izani, M. Z. (2015, 20 Mac). Pertarungan sebenar isu hudud bermula. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my>
- Muhammad Raqib, M., S., & Qasem, A. (2020). Counter-Hegemonic Discourse on Islam

in Malaysia: A Case Study of Malaysiakini's Coverage Regarding the Issue of Halal Certification by Jakim, *Global Journal Al-Thaqafah*, 10 (2), 19-27.

Schramm, W. (1964). *Mass Media and national development: The role of information in development countries*. Stanford: Stanford University Press.

Sofian, M., R., M, (2021). *Wacana Isu-isu Kontroversi Berkaitan Islam: Satu Analisis Akhbar-akhbar Terpilih Di Malaysia*. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.

van Dijk, T. (2006). Ideology and discourse analysis. *Journal of Political Ideologies*. 11(2). 115-140.